

Helikopter terhempas dari Sungai Leming, Pahang

[Nor Azizah Mokhtar](#) - Mac 24, 2021 @ 1:45pm
bhnews@bh.com.my



Helikopter jenis Airbus AS350 B3 terhempas di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang hari ini. - Foto NSTP/Aizuddin Saad

PETALING JAYA: Helikopter Airbus AS350 B3 yang terhempas di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang di sini, berlepas dari Sungai Leming, Pahang pagi tadi.

Kementerian Pengangkutan dalam kenyataan hari ini, memaklumkan pesawat yang dikendalikan Leopard Aviation Sdn Bhd itu berlepas pada jam 8.30 pagi tadi.

"Helikopter dalam penerbangan persendirian ke Subang melalui Maran, Temerloh, Karak dan Batu Caves dengan satu juruterbang dan empat penumpang.

"Dua mangsa dilaporkan mengalami kecederaan dan sedang menerima bantuan perubatan sementara tiga lagi mangsa berada dalam keadaan stabil," katanya.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Bangkai helikopter dibawa keluar](#)
- [Helikopter terhempas: Biro Siasatan Kemalangan Udara mulakan siasatan](#)
- [Nahas Eurocopter AS350: Silap juruterbang](#)
- [Nahas Eurocopter AS350: 11 penemuan laporan akhir](#)

Menurut kementerian itu lagi, siasatan lanjut akan dijalankan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

Terdahulu, dua dilaporkan cedera manakala tiga lagi terselamat dalam kejadian kira-kira jam 9.25 pagi itu.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Norazam Khamis berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 9.47 pagi.

"Satu jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Kota Anggerik dengan lima pegawai dan anggota bergegas ke lokasi.

"Lima mangsa yang terbabit dalam insiden itu dalam keadaan stabil dan helikopter berkenaan tidak mengalami kebakaran," katanya.